



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld.XVI (15)
25 September 2000

Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 15/2000:
Peraturan Secara Pentadbiran Supaya Ibu/Bapa/Penjaga
Dibenar Menandatangani Borang Rasmi

Kementerian Pendidikan mengambil maklum pandangan Kerajaan bahawa seringkali ibu seseorang anak dalam kes suami isteri yang bercerai atau ibu tunggal menghadapi masalah untuk mengisi borang tertentu yang memerlukan tandatangan bapa/penjaga anak berkenaan.

2. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah bersetuju supaya peraturan dibuat secara pentadbiran dengan menyediakan ruang dalam borang-borang tertentu yang membolehkan ibu selain dari bapa dan penjaga anak menandatangani borang tersebut. Walau bagaimanapun, peraturan ini tidak melibatkan hak penjagaan (*guardianship*), dan hanya terpakai bagi perkara-perkara tertentu sahaja seperti urusan persekolahan, permohonan biasiswa dan pinjaman pelajaran, permohonan pasport, dan sebagainya.

3. Bagi melaksanakan keputusan Kerajaan ini, tindakan sewajarnya hendaklah diambil dengan menyediakan ruang untuk tandatangan ibu/bapa/penjaga dalam borang-borang yang digunakan di Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah dan sekolah.

4. Sila maklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua pegawai di Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah serta Pengetua/Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian. Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' SERI DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 9. Ketua Nazir Sekolah
 10. Pegawai Perhubungan Awam